

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Rumah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

26hb. Mach, 1970

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 /1970**

**Tambang Pengangkutan alasan belas  
kasehan  
(compassionate grounds) kepada Pegawai-  
pegawai dari Malaysia Barat yang bertugas  
di-  
Malaysia Timor.**

---

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara yang tersebut diatas itu memaklumkan bahawa telah diputuskan iaitu pegawai-pegawai Malaysia Barat dalam Bahagian I, II dan III dan lain-lain yang berkhidmat di Malaysia Timur dengan syarat-syarat peraturan yang telah diluluskan oleh Jabatan ini, akan berkelayakan mendapat kemudahan tambang-tambang pengangkutan atas alasan belas kasihan (compassionate grounds) seperti berikut :-

- (i) Sekiranya seseorang pegawai atau ahli keluarganya yang berkelayakan mendapat tambang percuma untuk balik ke Malaysia Barat, meninggal dunia di Malaysia Timur, Kerajaan akan menanggong perbelanjaan untuk menghantar jenazahnya dengan kapal terbang, termasuk juga perbelanjaan lan-lain bersangkut dengan pengangkutan jenazah itu, daripada tempat pegawai yang berkenaan itu bertugas, ka Kuala Lumpur. Kerajaan akan juga menanggong perbelanjaan tambang kapal tebang pergi balik kelas ekonomi daripada tempat pegawai itu bertugas ke Kuala Lumpur, bagi saorang yang mengiringi jenazah itu.
- (ii) Jika berlaku kematian seseorang anak pegawai itu sendiri di Malaysia Barat, Kerajaan akan menanggong perbelanjaan tambang kapal terbang pergi balik kelas ekonomi daripada tempat pegawai itu bertugas ke Kuala Lumpur bagi pegawai itu atau isterinya atau pun seorang daripada ahli keluarga yang diberi kuasa olehnya.
- (iii) Jika ibu atau bapa pegawai itu sendiri atau pun ibu atau bapa isterinya meninggal dunia di Malaysia Barat, Kerajaan akan menanggongkan perbelanjaan tambang kapal terbang pergi balik kelas ekonomi daripada tempat pegawai itu bertugas ke Kuala Lumpur bagi pegawai itu atau isterinya atau pun seorang daripada ahli keluarga yang diberi kuasa olehnya.
- (iv) Jika seseorang pegawai atau isterinya atau pun seorang daripada ahli keluarganya diakui oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri perlu

mendapat rawatan pakar yang tidak boleh didapati di Malaysia Timur, maka Kerajaan akan menanggong perbelanjaan tambang kapal terbang pergi balik, kelas ekonomi daripada tempat pegawai itu bertugas ke Kuala Lumpur bagi seorang mengiringi pegawai itu seperti isterinya atau pun ahli keluarganya yang lain, dengan syarat Pegawai Perubatan telah membuat perakuan bahawa pegawai itu atau isterinya atau pun ahli keluarganya yang berkehendakkan rawatan itu mustahak di temani dalam perjalananya.

Saya yang menurut perentah,

(ABDUL AZIZ BIN ZAKARIA)  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Negeri.

Setia Usaha Persekutuan, Sarawak, Kuching.

Setia Usaha Persekutuan, Sabah, Kota Kinabalu.

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sarawak, Kuching.

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah, Kota Kinabalu.